



MAKLUMAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
PUTRAJAYA



ARAHAN PENUTUPAN SEMENTARA PINTU SEMPADAN THAILAND-MALAYSIA OLEH KERAJAAN THAILAND

Untuk makluman, bermula pada **malam 22 Mac 2020**, Kerajaan Thailand telah menutup semua 9 (sembilan) pintu sempadan darat / air antara Thailand – Malaysia sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Maklumat ini telah disampaikan oleh Duta Besar Thailand ke Malaysia kepada Setiausaha Bahagian, Bahagian Asia Tenggara.

Penutupan pintu sempadan ini dilaksanakan di semua pintu-pintu sempadan Thailand dengan negara-negara berjiran seperti Malaysia, Laos, Kemboja dan Myanmar.

Sepanjang pelaksanaan penutupan sementara pintu-pintu sempadan ini, semua warganegara Thailand dan warganegara asing tidak dibenarkan untuk keluar atau masuk ke Thailand melalui semua pintu sempadan darat / air.

Rakyat Thailand di Malaysia yang ingin pulang ke negara tersebut hanya dibenarkan untuk menggunakan **laluhan udara sahaja**.

Warga negara Malaysia yang ingin pulang ke Malaysia juga hanya dibenarkan untuk menggunakan **laluhan udara sahaja**.

Bagi pergerakan barang-barang pula, hanya satu pintu sempadan darat / air di setiap wilayah bersempadan dengan Malaysia akan dibuka sebagaimana berikut:

- i. Wilayah Songkhla: Pintu Sempadan Sadao – Bukit Kayu Hitam (Kedah);
- ii. Wilayah Narathiwat: Pintu Sempadan Sungai Golok – Rantau Panjang (Kelantan);
- iii. Wilayah Satun: Pintu Sempadan Wang Prachan – Wang Kelian (Perlis);
- iv. Wilayah Satun: Jeti Thammalang – Jeti Kuala Perlis (Perlis); dan
- v. Wilayah Yala: Pintu Sempadan Betong – Pengkalan Hulu (Perak)

Pergerakan barang-barang akan beroperasi seperti biasa dengan syarat-syarat tambahan iaitu:

- i. Hanya seorang pemandu sahaja (warganegara Malaysia) yang dibenarkan untuk satu kenderaan berat kecuali di pintu masuk Wilayah Satun (pemandu dan kelindan);
- ii. Tertakluk kepada keputusan pemeriksaan kesihatan mandatori di pintu sempadan;
- iii. Untuk pergerakan barang menerusi Jeti Thammalang – Jeti Kuala Perlis, hanya 5 orang krew dibenarkan untuk satu bot, dan tertakluk kepada keputusan saringan kesihatan.

(Sumber: Taskforce COVID-19, Kementerian Luar Negeri)

Sekian, terima kasih.

**CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA**

23 MAC 2020